

Penambahbaikan Kaedah Pengajaran / Penyeliaan dan Penilaian

Pengenalan

Sebagai usaha untuk menambah baik kaedah pengajaran dan penyeliaan, Fakulti Farmasi terutamanya Jabatan Klinikal dan Amalan Farmasi telah mengintegrasikan Problem-Based Learning (PBL) dalam sesi pembelajaran. Untuk memastikan pelaksanaan yang berkesan, seorang pakar luar yang berpengalaman dalam pendekatan PBL telah dijemput bagi memberikan bengkel kepada pensyarah yang terlibat. Pendekatan ini dilihat bukan sahaja meningkatkan keberkesanan pengajaran, malah turut memperkasakan kemahiran pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar.

BENGKEL PBL



1. Refleksi Pensyarah terhadap PBL

Refleksi Pensyarah terhadap Pelaksanaan PBL

Pelaksanaan sesi Problem-Based Learning (PBL) telah memberi peluang kepada saya untuk menilai kembali pendekatan pengajaran tradisional yang selama ini digunakan. PBL ternyata memerlukan peralihan peranan saya daripada sebagai penyampai ilmu kepada fasilitator pembelajaran. Perubahan ini memberi cabaran, khususnya dalam membimbing pelajar untuk meneroka penyelesaian secara sendiri dan kolaboratif

Daripada pemerhatian semasa sesi PBL, saya dapati pelajar pada awalnya kurang yakin untuk berbincang dan menyuarakan pendapat. Namun, selepas beberapa sesi, berlaku peningkatan ketara dari segi keberanian mereka untuk bertanya soalan, berhujah secara kritikal dan mengaitkan pengetahuan dengan situasi sebenar. Ini menunjukkan bahawa pendekatan PBL berupaya membina kemahiran komunikasi, kepimpinan kumpulan dan pemikiran analitik dalam kalangan pelajar.

Melalui refleksi ini, saya menyedari keperluan untuk memperkukuh kemahiran saya dalam menyusun soalan pencetus (trigger questions) dan menyelia dinamika kumpulan secara lebih strategik. Saya juga melihat keperluan untuk menyediakan pelajar dengan garis panduan yang lebih jelas sebelum memulakan sesi agar mereka lebih bersedia dan yakin.

Sebagai tindakan susulan, saya telah berkongsi dapatan dan pengalaman ini dalam sesi teaching circle bersama rakan pensyarah. Saya juga bercadang untuk mengikuti bengkel lanjutan mengenai fasilitasi PBL sebagai usaha pembangunan profesional berterusan. Diharapkan dengan penambahbaikan ini, pelaksanaan PBL pada semester akan datang akan lebih tersusun dan memberi impak lebih besar kepada pembelajaran pelajar.

2. Analisis / Sintesis untuk Penambahbaikan

Maklum balas berkaitan pelaksanaan Problem-Based Learning (PBL) telah dikumpulkan daripada kalangan pelajar dan fasilitator. Tujuan maklum balas ini adalah untuk menilai keberkesanan pelaksanaan, mengenal pasti kekuatan dan kelemahan, serta merancang penambahbaikan berterusan terhadap kaedah pengajaran ini.

Sebanyak 87 maklum balas telah diterima daripada peserta aktiviti PBL yang merangkumi 81 pelajar dan 6 fasilitator. Analisis data menunjukkan beberapa penemuan penting:

Komposisi Responden

Majoriti responden terdiri daripada pelajar tahun 4, diikuti oleh pelajar tahun 1 dan tahun 3. Dari segi jantina, 67.8% adalah wanita dan 32.2% adalah lelaki.

Tahap Kefahaman Terhadap Kes PBL

Sebilangan besar responden (lebih 60 orang) menilai tahap kefahaman mereka pada tahap maksimum (5 daripada 5). Ini mencerminkan keberkesanan pelaksanaan kes PBL dari segi struktur dan bimbingan. Namun, terdapat beberapa responden yang memberi skor lebih rendah, menunjukkan keperluan untuk lebih banyak sokongan atau pemantapan penerangan kes bagi sesetengah kumpulan.

Tahap Kepuasan Keseluruhan

Lebih 60 pelajar menyatakan tahap kepuasan yang tinggi (skor 5), namun sebahagian kecil mencatat skor lebih rendah (3-4), yang menunjukkan terdapat ruang untuk penambahbaikan dari segi pengalaman pembelajaran secara keseluruhan.

Saranan Penambahbaikan

Berdasarkan borang maklum balas, responden diberi peluang untuk mengemukakan cadangan secara terbuka. Beberapa cadangan yang dikemukakan termasuk:


1. Menyediakan masa lebih panjang untuk sesi perbincangan.
2. Meningkatkan penyelarasan antara kumpulan dan fasilitator.
3. Menyediakan nota ringkas atau panduan berkaitan kes sebelum sesi bermula.

Kesimpulan dan Tindakan Susulan

Maklum balas ini menunjukkan bahawa pendekatan PBL mendapat sambutan positif, terutamanya dalam meningkatkan kefahaman dan penglibatan pelajar. Walau bagaimanapun, beberapa tindakan penambahbaikan telah dikenalpasti:

1. Menyusun garis panduan PBL secara bertulis untuk pelajar dan fasilitator.
2. Menyediakan latihan tambahan kepada fasilitator bagi meningkatkan keberkesanan fasilitasi kumpulan.
3. Mengoptimumkan masa untuk sesi PBL agar pelajar dapat terlibat lebih aktif dan mendalam.

Penemuan ini akan menjadi asas kepada pelaksanaan PBL yang lebih berimpak pada masa akan datang dan akan terus dimantapkan melalui sesi refleksi berkala dan kolaborasi dalam kalangan pensyarah



3. Tindakan dan Perkongsian

Beberapa tindakan susulan telah dilaksanakan, antaranya fakutli farmasi telah melantik jawatankuasa PBL dikalangan pensyarah yang akan berbincang untuk penambahbaikan PBL secara berterusan serta penyediaan guidelines PBL untuk rujukan bersama.

4. Pembangunan Profesional dalam Pengajaran / Penyeliaan dan Penilaian

Melalui bengkel PBL dan sesi reflektif yang dijalankan, pensyarah telah menunjukkan peningkatan dari segi pengetahuan pedagogi dan keyakinan dalam menyelia sesi PBL. Proses ini turut menyumbang kepada pembangunan profesional berterusan dalam aspek pengajaran dan penilaian berasaskan hasil pembelajaran.

AKTIVITI PBL

1. SESI 1 PENGENALAN PBL KEPADA PELAJAR

Our 1st PBL360 (Introduction Session)
Fourth Year
16th October 2024



Students were introduced to PBL360 and was brief regarding the procedures, the do and don'ts during PBL360; there were 2 sessions (1st session was Case Triggers and 2nd session Case Presentation and Concept Map)

PBL360 (Introduction Session)
Third Year
10th March 2025



Students were introduced to PBL360 and was brief regarding the procedures, the do and don'ts during PBL360; there were 2 sessions (1st session was Case Triggers and 2nd session Case Presentation and Concept Map)

2. SESI 2; PEMBAHAGIAN 'CASE TRIGGER' KEPADA PELAJAR

Our 1st PBL360 (Case Triggers-1st session)
Fourth Year
28th October 2024



PBL360 (Case Triggers-1st session)
Third Year
24th March 2025



3. SESI 3; SESI PEMBENTANGAN 'CASE' DAN PEMBANGUNAN 'CONCEPT MAP' OLEH PELAJAR

Our 1st PBL360 (Case Presentation- 2nd session)
Fourth Year
14th November 2024



Students presented their findings and produce concept map for the case

PBL360 (Case Presentation- 2nd session)
Third Year
16th April 2025



PBL360 (Case Presentation- 2nd session)
Third Year
16th April 2025

